



MOHD. Harun Abdullah (tengah) menyiram pokok sebagai simbolik pelancaran program Eko Kampus UMS, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) di Kota Kinabalu, Sabah, baru-baru ini.

UMSKAL perkenal Eco Kampus

UM 7.8.2013 26

LABUAN 6 Ogos - Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah telah melancarkan program Eko Kampus UMS, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), di sini baru-baru ini.

Beliau turut melancarkan kempen berbasikal dalam kampus, simbolik penanaman pokok buah-buahan dan pelancaran bas Eko Kampus UMSKAL.

Apa yang menariknya, Mohd. Harun menaiki bas eko kampus ber-

sama pegawai kanan UMS melawat kediaman kakitangan, kolej kediaman pelajar, masjid dan dewan kuliah pusat yang sedang dalam pembinaan.

Beliau turut merasmikan klinik warga yang terletak berhampiran kolej kediaman pelajar untuk memudahkan pelajar lelaki dan perempuan mendapatkan rawatan kesihatan awal.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antara-

bangsa), Prof. Dr. Sharif Abdul Kadir Omang; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Shahril Yussof; Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali dan Timbalan Pengarah UMSKAL, Dr. Geoffrey Harvey Tanakinjal.

Naib Canselor UMS kemudiannya berbuka puasa bersama-sama pegawai kanan UMS dan kakitangan UMSKAL di ruang legar Bangunan Menara UMSKAL dan menuaih solat Maghrib di Dewan Theatrette.